

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN KILANG PRIME GRANITE (MALAYSIA) SDN. BHD.

TEMPAT: DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BAKAR ARANG, SUNGAI PETANI, KEDAH

TARIKH: 28 JAN 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Prime Granite (Malaysia) Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk merasmikan kilangnya pada hari ini.

2. Saya juga mengucapkan tahniah kepada syarikat Prime Granite kerana keyakinannya menceburi bidang industri yang amat penting dalam pembangunan negara ini, iaitu industri bahan binaan dan pembinaan. Industri granit khususnya mempunyai potensi untuk mengurangkan import kita dan menaikkan eksport barangan Malaysia.

3. Kemajuan sektor perkilangan negara kita telah pun mencapai tahap yang boleh dibanggakan dan dikagumi oleh negara-negara membangun yang lain. Dalam tempoh jangkamasa tahun 1988 hingga tahun 1993, ekonomi negara telah berkembang dengan pesat sekali, iaitu purata lapan peratus setahun. Sektor perkilangan juga terus mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan. Sektor ini telah berkembang sebanyak 12 peratus setahun dalam tempoh tahun 1991 hingga tahun 1993 yang melibatkan peningkatan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daripada 26.9 peratus pada tahun 1990 kepada 30.1 peratus pada tahun 1993. Punca utama perkembangan sektor ini ialah sumbangan daripada industri-industri yang berorientasikan eksport.

4. Selain daripada itu, industri-industri yang berasaskan pasaran tempatan seperti industri bahan-bahan binaan juga mencatatkan perkembangan yang kukuh. Ini adalah oleh sebab pendapatan daripada perniagaan telah meningkat sehingga mereka mampu menggunakan bahan mewah seperti granit untuk bangunan-bangunan mereka.

5. Selaras dengan perkembangan keseluruhan dalam aktiviti pembinaan, pengeluaran bahan-bahan yang berkaitan dengan binaan telah bertambah pada tahun 1993. Anggaran terbaru yang dibuat menunjukkan permintaan dan penawaran bahan-bahan binaan bertambah pada kadar purata 15 hingga 20 peratus setahun. Prestasi sektor pembinaan juga dijangka bertambah baik pada tahun 1994 dengan peningkatan nilai tambahan sebanyak 11.7 peratus.

6. Di negara ini potensi bagi industri granit untuk berkembang adalah baik. Ini memandangkan industri ini masih belum dimajukan sepenuhnya. Industri ini dianggap baru di

Malaysia dan syarikat pertama daripada empat syarikat yang diluluskan hanya mula beroperasi di akhir tahun 1991. Sebelum ini, 'marble tiles/slabs' adalah popular bagi pembinaan rumah, hotel dan bangunan-bangunan komersil. Walau bagaimanapun, 'marble tiles/slabs' didapati tidak begitu tahan lama dan memerlukan penjagaan rapi bagi mengekalkannya.

7. Sebaliknya 'granite tiles/slabs' didapati lebih tahan lama dan kurang memerlukan penjagaan rapi. Oleh itu, ia lebih mendapat tempat di kalangan pembeli. Granit juga lebih tahan lasak yang menjadikannya sesuai untuk kegunaan luaran sebagai hiasan dinding.

8. Untuk menggalakkan pengeluaran 'granite tiles/slabs' kerajaan telah menawarkan galakan cukai. 'Polished slabs from locally-sourced granite' telah diwartakan sebagai keluaran yang digalakkan dan layak mendapat galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Pemberian galakan ini adalah tertakluk kepada syarikat memperoleh sekurang-kurangnya 50 peratus granit daripada sumber tempatan.

9. Saya percaya ada potensi yang besar untuk mengeksport 'polished granite tiles' dan 'slabs' ke luar negeri. Penggunaan granit untuk mengukir tulisan dan 'design' untuk 'commemorative plaque' akan menambah nilainya dan amat sesuai untuk pasaran tempatan dan eksport.

10. Saya ingin mengingatkan semua pihak sekali lagi akan pentingnya kita mengawal inflasi. Kerana inflasi kita rendah, maka kos sara hidup juga rendah. Demikianlah kesan baik daripada kos sara hidup yang rendah ini sehingga sebenarnya daya membeli atau 'purchasing power' ringgit kita adalah sekali ganda lebih daripada nilai sebenarnya. Dengan perkataan lain, seringggit duit kita boleh membeli barang yang nilainya dua ringgit.

11. Oleh sebab ini nilai gaji pekerja adalah lebih daripada jumlahnya. Selagi kita dapat membendung inflasi maka kos keluaran barangan kita akan terus rendah dan kita akan dapat bersaing dalam pasaran dalam dan luar negeri. Sebaliknya jika inflasi meningkat, pendapatan kita mungkin bertambah tetapi kita tidak akan dapat membeli barangan atau khidmat yang lebih daripada dahulu.

12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Syarikat Prime Granite (Malaysia) Sdn. Bhd. di atas undangan ini. Saya juga mengucapkan selamat maju jaya di dalam usaha mereka merintis bidang yang agak baru juga di Malaysia. Saya yakin dengan usaha gigih syarikat ini, ia akan menempuh kejayaan dan akan berusaha memperkenalkan teknologi dan proses pengeluaran kepada industri-industri lain.

13. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kilang Prime Granite (Malaysia) Sdn. Bhd.

